



PM solat Jumaat di surau kuarters Hospital Serdang

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunaikan solat Jumaat di Musolla Asy Syafi, Kuarters Hospital Sultan Idris Shah, Serdang, semalam. Kira-kira 500 jemaah kebanyakannya warga hospital menunaikan solat Jumaat pertama di musolla itu dengan diimamkan Imam Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya, Muhammad Ali Mohd Yunus. Perdana Menteri bersama jemaah turut mengaminkan Qunut Nazilah bagi mendoakan kesejahteraan dan keselamatan umat Islam di Palestin. Beliau turut meluangkan kira-kira setengah jam menjamu selera di pekarangan surau dan beramah mesra dengan jemaah.